



14 Julai 2016  
14 July 2016  
P.U. (A) 197

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2016

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 2)  
ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965**

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2016.

**Peremitan cukai**

2. (1) Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa di bawah Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) 2004 [P.U. (A) 408/2004];

(b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut "Sukuk Murabahah" dalam Perintah ini;

- (c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Program Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut “Program GG Sukuk” dalam Perintah ini, atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara atau dokumen itu dipindahkan atau diserahhakkan.

**Peremitan duti setem**

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

**Pemakaian**

4. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) Sukuk Murabahah yang diterbitkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional menurut Program GG Sukuk dengan nilai nominal sehingga lapan bilion ringgit (RM8,000,000,000.00);

Dengan syarat bahawa, agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Sukuk Murabahah dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Pinjaman Bersindiket Kredit Pusingan, yang disebut “Pembiayaan SRC-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi lapan bilion ringgit (RM8,000,000,000.00);

- (b) Pembiayaan SRC-i dengan amaun agregat prinsipal sehingga dua bilion ringgit (RM2,000,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a);

- (c) Program GG Sukuk dengan nilai nominal sehingga lapan bilion ringgit (RM8,000,000,000.00); dan